

# Anwar dijadual terima anugerah tertinggi Turkiye bagi pemimpin luar

Order of the Republic dianugerah kepada ketua kerajaan asing perkukuh hubungan dua hala

Daripada  
Farah Nabilah  
Wazer  
bhnews@bh.com.my  
di Ankara,  
Turkiye



**Datuk** Seri Anwar Ibrahim dijadualkan dianugerahkan 'Order of the Republic' iaitu anugerah tertinggi Turkiye kepada pemimpin luar.

Ia sebagai pengiktirafan Kerajaan Turkiye terhadap peranan Perdana Menteri dalam memperkukuh hubungan dua hala Malaysia-Turkiye yang kini berada pada tahap strategik.

Duta Besar Malaysia ke Turkiye, Szali Mustafa Kamal, berkata penganugerahan berprestij itu akan disampaikan Presiden Recep Tayyip Erdogan di Kompleks Presiden, hari ini.

Szali berkata, 'Order of the Republic' dianugerahkan kepada ketua kerajaan asing yang berjaya memperkukuh hubungan



Anwar dan isteri berlepas ke Ankara dan Pangkalan Udara TUDM Subang bagi memulakan lawatan rasmi ke Turkiye.

(Foto Pejabat Perdana Menteri)

dua hala dengan Turkiye.

"Presiden Erdogan akan menganugerahkan the Order of the Republic kepada Perdana Menteri ketika lawatan rasmi ke sini.

"Anugerah ini adalah penghargaan tinggi yang diberikan kepada pemimpin yang mendedik dan memperkukuhkan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Turkiye," katanya dalam sidang media di JW Marriott Ankara, di sini, semalam.

Szali berkata, anugerah kepada Anwar itu mencerminkan pengiktirafan Turkiye terhadap kepimpinan serta sumbangan beliau dalam mempererat hubungan diplomatik, politik dan ekonomi antara kedua-dua negara.

## Simbol keakraban

Penganugerahan itu turut menjadi simbol keakraban hubungan dua hala, yang diperkukuh melalui lawatan rasmi Perdana Menteri ke Turkiye serta peng-

libatan aktif kedua-dua kepimpinan dalam memperluas kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa.

Sebagai tanda penghargaan, Presiden Erdogan dan isteri, Emine Erdogan akan meraikan Perdana Menteri dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam satu majlis makan malam rasmi, yang turut menjadi antara acara kemuncak lawatan rasmi Perdana Menteri ke negara itu.

Perdana Menteri mengadakan lawatan rasmi pertama ke Turkiye atas jemputan Presiden Erdogan bermula 6 hingga 8 Januari.

Beliau diiringi isteri, serta beberapa menteri Kabinet termasuk Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.